

90

SOALAN NO. 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIEW [KEPONG]

TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giew [Kepong] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan kes perkahwinan kanak-kanak di Malaysia dan cara mencegahnya.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM), bagi kes Perkahwinan Bawah Umur 18 Tahun untuk **Muslim**, data dari tahun 2007 sehingga bulan Oktober 2017 telah mencatatkan sebanyak 10,807 kes. Merujuk kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi kes Perkahwinan Bawah Umur 18 Tahun untuk **bukan Muslim** pula, data dari tahun 2007 sehingga bulan Oktober 2017 telah mencatatkan sebanyak 4,999 kes.

Satu Pasukan Petugas (*Taskforce*) Perkahwinan Bawah Umur yang terdiri daripada pelbagai agensi berkaitan telah ditubuhkan pada 31 Mei 2013 melalui Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pasukan Petugas ini antaranya telah menentukan tiga (3) aspek utama yang perlu diberikan perhatian dalam menangani isu perkahwinan bawah umur. Tiga aspek utama tersebut ialah perundangan, pentadbiran dan pendidikan.

92

Susulan daripada penubuhan *Taskforce Perkahwinan Bawah Umur*, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengadakan konsultasi dengan jabatan yang berkaitan dengan proses permohonan perkahwinan dan kebajikan kanak-kanak selepas perkahwinan (sekiranya permohonan diluluskan). Hasil konsultasi tersebut mencadangkan supaya diwujudkan satu garis panduan kepada pihak yang berkuasa dalam membenarkan permohonan perkahwinan bawah umur. Bagi tujuan tersebut, JKSM sedang membina *Standard Operating Procedure (SOP)* untuk kes yang melibatkan permohonan kebenaran bernikah di bawah umur yang dimohon di Mahkamah Syariah bagi memperjelaskan dan menggariskan satu prosedur yang selari dengan undang-undang untuk diguna pakai di Mahkamah Syariah di Malaysia.

Dasar dan Pelaksanaan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproductif Kebangsaan dalam memberikan pendidikan mengenai kesihatan reproduktif kepada semua pihak, baik remaja, ibu bapa mahupun masyarakat tentang kepentingan kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab ibu bapa, kematangan seksualiti dan pendidikan mengenai seksualiti remaja. Melalui program advokasi dan pendidikan yang diberikan, tahap kesedaran remaja dan ibu bapa

tentang kesihatan reproduktif dan tingkah laku sosial yang positif membantu menghindar tingkah laku seks di luar perkahwinan.

Berdasarkan Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Bagi Tingkah Laku Seksual Remaja (*Risk and Protective Factors Affecting Adolescent Sexual Behaviours*) oleh LPPKN mendapati faktor pelindung kepada pencegahan tingkah laku seksual remaja adalah mempunyai pengetahuan mengenai kesihatan seksual dan reproduktif, komunikasi dan hubungan kekeluargaan yang rapat. Mengikut dapatan kajian juga, faktor risiko yang mendedahkan remaja kepada tingkah laku seksual remaja pula adalah kawalan hidup yang lemah, mengamalkan gaya hidup berisiko dan mempunyai rakan terlibat dengan salah laku seksual.

Oleh demikian, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan ini dengan program pendidikan dan pencegahan melibatkan pelbagai agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) kepada remaja, ibu bapa dan komuniti masyarakat.

(2)

SOALAN (41)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2018
[SELASA]

DARIPADA : YB BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]

SOALAN :

YB BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah perumahan mampu milik yang telah siap dibina oleh pelbagai agensi Kerajaan di negeri Selangor dan daripada jumlah ini, berapakah bilangan unit rumah yang dibeli oleh golongan muda.

45

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) mulai 2013 hingga akhir tahun 2018 bagi golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah. Terdapat beberapa agensi yang melaksanakan pembangunan RMM termasuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan lain-lain agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri.

Sehingga Disember 2017, sebanyak 450,619 unit rumah telah disiapkan dan dalam pembinaan manakala 448,028 unit rumah dalam perancangan di seluruh negara. Manakala **status pelaksanaan 1 Juta RMM di Negeri Selangor oleh agensi Kerajaan (tidak termasuk pemaju swasta)** adalah **sebanyak 19,749 unit rumah telah disiapkan dan dalam**

pembinaan manakala 60,225 unit rumah dalam perancangan dengan perincian seperti berikut :-

**STATUS PELAKSANAAN 1 JUTA RMM DI NEGERI SELANGOR
(2013 - 2017)**

BIL	STATUS PELAKSANAAN	BIL. UNIT (AGENSI KERAJAAN)
1	SIAP	3,885
2	DALAM PEMBINAAN	15,864
3	DALAM PERANCANGAN	60,225
JUMLAH		79,974

Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT tiada maklumat berhubung statistik pembelian Rumah Mampu Milik (RMM) di negeri-negeri memandangkan maklumat tersebut adalah di bawah kawalan pihak negeri masing-masing termasuk di Negeri Selangor. Statistik mengenai pembeli/pemohon RMM di Selangor diselaraskan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS).

Namun begitu, bagi statistik penerima insentif di bawah Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) yang diperkenalkan oleh Kerajaan menerusi KPKT sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

**STATISTIK PERMOHONAN/PENAWARAN DAN KELULUSAN SKIM
MYDEPOSIT OLEH GOLONGAN BERUMUR 21-40 TAHUN SEHINGGA
31 DISEMBER 2017**

	PERMOHONAN DITERIMA	DITAWARKAN INSENTIF (21-40 TAHUN)	DILULUSKAN BAYARAN INSENTIF (21-40 TAHUN)
Malaysia	6,298	2,813	1,446
Selangor	1,989	981	518

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018